



LAPORAN TAHUNAN 2025

UNIT REKOD



HOSPITAL SUNGAI SIPUT

JALAN FELDA LASAH
31100 SUNGAI SIPUT (U)
PERAK

UNIT REKOD PERUBATAN, HOSPITAL SUNGAI SIPUT

1.0 PENGENALAN

Unit Rekod Perubatan merupakan perkhidmatan sokongan yang dipertanggungjawab dalam pengurusan rekod-rekod perubatan pesakit (RPP), mengurus permohonan Laporan Perubatan dan pusat pengumpulan maklumat atau data-data statistik untuk keperluan pihak hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri Perak. Sebagai penyimpanan rekod berpusat, Rekod Perubatan Pesakit (RPP) didaftarkan dengan kaedah “One Patient One Folder” dan disimpan menggunakan “Terminal Digit Filling System”.

2.0 VISI, MISI & OBJEKTIF

2.1 VISI

Memperkasa tadbir urus perkhidmatan rekod perubatan yang lebih efisien.

2.2 MISI


Meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan di Unit Rekod Perubatan.

2.3 OBJEKTIF

Unit Rekod Perubatan akan memastikan 90% laporan perubatan disiapkan dalam tempoh 14 hari bekerja.

3.0 CARTA ORGANISASI UNIT

**CARTA ORGANISASI UNIT REKOD PERUBATAN
HOSPITAL SUNGAI SIPUT**



Rajah 1: Carta Organisasi Unit Rekod Perubatan Tahun 2025

4.0 PERJAWATAN

4.1 SENARAI ANGGOTA DAN PERJAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH
1.	Penolong Pegawai Tadbir	N5	1
2.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N2	2
3.	Pembantu Khidmat Am	H1	1

Jadual 1: Perjawatan Unit Rekod Perubatan Tahun 2025

5.0 SKOP PERKHIDMATAN / FUNGSI UTAMA UNIT

Skop perkhidmatan dan fungsi utama Unit Rekod Perubatan adalah seperti berikut:-

- i. Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit Dalam (RPP) termasuk kad-kad kecemasan yang berpotensi sebagai kes *Medico-legal* dan filem-filem X-Ray.
- ii. Pemantauan dan penyeliaan ke atas penambahbaikan RPP dari semasa ke semasa.
- iii. Penyediaan Statistik Pesakit Dalam (SMRP Web-based), Pesakit Luar, Rawatan Harian dan Perkhidmatan Sokongan.
- iv. Pengurusan kemasukan data pesakit ke dalam Sistem Casemix.
- v. Penyelaras *Hospital Performance Indicator Accountability* (HPIA), *National Indicator Approach* (NIA) dan *Key Performance Indicator* (KPI) ke atas penerimaan rekod perubatan pesakit discaj dan penyediaan laporan perubatan dalam tempoh yang ditetapkan.
- vi. Pengurusan permohonan dan siap laporan perubatan pesakit
- vii. Pengurusan pentadbiran Unit Rekod Perubatan seperti berikut:
 - a) Pelupusan rekod perubatan mengikut Jadual Pelupusan Rekod Perubatan 2016 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan diluluskan oleh Arkib Negara.
 - b) Sekretariat Jawatankuasa Rekod Perubatan yang berfungsi untuk memantau tadbir urus rekod perubatan pesakit.
 - c) Sekretariat semua program/latihan yang digendalikan oleh Unit Rekod Perubatan.

- i. 90% Laporan perubatan yang dipohon akan disiapkan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.
- ii. Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, jujur dan ikhlas.

6.1 PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Penyediaan laporan perubatan merupakan antara indikator **PENTING** unit ini dan tersenarai sebagai Piagam Pelanggan Teras dan *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan perlu mencapai 90% siap dalam tempoh 14 hari bekerja. Jenis laporan yang diambilkira di dalam indikator ini adalah;

- i. Laporan Perubatan Biasa
- ii. Laporan Perkeso
- iii. Laporan KWSP
- iv. Laporan Insurans
- v. Laporan Peguam

7.0 LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

7.1 KURSUS

Kesemua kakitangan berjaya menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam tahun 2025. Diantara kursus-kursus dan latihan yang dihadiri oleh kakitangan adalah seperti berikut:

- Kursus Pengurusan Rekod Perubatan
- Kursus Audit Rekod Perubatan Pesakit
- Kursus Audit Dokumentasi Klinikal Dan Kod Klasifikasi 2025 di Hospital Dan Institusi Perubatan Khas KKM
- Kursus Audit Penggenapan Katil Rasmi dan Operasi kluster Negeri Perak
- Seminar Pengurusan Laporan Perubatan Dan Bedah Siasat
- Kursus Sistem Maklumat Aset Dan Perkhidmatan Aset And Services Information System (ASIS)
- Kursus Keselamatan Pesakit

Pencapaian kursus/taklimat kakitangan adalah seperti berikut:

- 7 hari berkursus - 1 orang
- 8 hari berkursus - 2 orang
- 9 hari berkursus - 1 orang

7.2 MyCPD

Hanya Penolong Pegawai Tadbir N5 sahaja diwajibkan untuk merekodkan pencapaian mata kursus ke dalam system MyCPD dan berjaya mencapai pada target yang diberikan.

8.0 AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2025

8.1 Mesyuarat Rekod Perubatan

Unit Rekod Perubatan mengadakan mesyuarat jabatan sebanyak dua kali setahun. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu berkaitan dan membangkit mengenai perkhidmatan jabatan, serta membentangkan data hospital seperti BOR, ALOS, jumlah discaj dan kemasukan pesakit, jumlah kematian pesakit dalam (PD), data Audit Rekod Perubatan Pesakit, Audit Dokumentasi Klinikal, serta Kod Klasifikasi 2025 di Hospital dan Institusi Perubatan Khas KKM.

Selain itu, mesyuarat ini turut merangkumi Mesyuarat Casemix (MyCMx) yang diketuai oleh Dr. Fizatul Akmar, Penyelaras C3. Dalam sesi ini, beliau akan membentangkan SOI Hospital Sungai Siput.



8.2 AUDIT REKOD PERUBATAN PESAKIT (RPP) DI HOSPITAL SUNGAI SIPUT

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2025

Audit Rekod Perubatan Pesakit telah dijalankan pada 8 Mei 2025 bertempat di Dewan CME bermula jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Seramai 16 orang auditor terlibat, terdiri daripada Pegawai Perubatan, Jururawat, dan Penolong Pegawai Perubatan, serta 4 orang urus setia daripada Unit Rekod Perubatan.

Sebanyak 71 Rekod Perubatan Pesakit (RPP) telah diaudit. Audit ini dilaksanakan setahun sekali dengan jumlah pensampelan sebanyak 1.5%.

Setelah audit selesai dilaksanakan, keputusan audit akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Rekod Perubatan. Pembentangan ini bertujuan untuk memastikan unit-unit yang terlibat mengambil perhatian terhadap penambahbaikan, khususnya bagi aspek yang memperoleh markah rendah.



8.3 AUDIT KETEPATAN & KESEMPURNAAN DOKUMENTASI KLINIKAL DAN KETEPATAN PENETAPAN KOD ICD-11

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2025

Pada tahun 2025, pelaksanaan audit ketepatan dan kesempurnaan dokumentasi klinikal serta ketepatan penetapan kod ICD-11 telah diperbaharui dengan pengenalan kaedah baharu yang menggunakan sistem pengkodan ICD-11 secara langsung. Seramai 4 orang pegawai perubatan HSS dipilih dan dilantik oleh C3 Rekod iaitu Dr Fizatul Akmar.

Setiap tahun, Unit Rekod perlu melaksanakan audit dokumentasi klinikal dan ketepatan kod ICD-11 bagi memastikan kod serta diagnosis yang direkodkan adalah tepat. Proses audit ini mengambil masa selama satu bulan untuk penyediaan borang audit, yang melibatkan penyalinan jenis penyakit beserta kod ke dalam borang tersebut.

Selepas selesai pengisian borang audit, semua auditor yang terdiri daripada pegawai perubatan perlu hadir ke Unit Rekod Perubatan (URP) untuk menyemak jenis pesakit melalui rekod perubatan. Sekiranya terdapat penambahan maklumat, ia hendaklah disenaraikan dalam borang audit tersebut. Semua borang audit yang telah lengkap perlu dihantar kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk diagihkan kepada auditor di seluruh negeri Perak. Setelah proses audit selesai, borang tersebut hendaklah dicetak dan disahkan oleh pegawai perubatan.



8.4 “TASK FORCE” UNIT REKOD PERUBATAN

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2025

Aktiviti task force sering dilaksanakan bagi memastikan ruang Unit Rekod yang sedia ada mencukupi untuk menampung rekod perubatan pesakit. Aktiviti ini bertujuan menyusun rekod dengan rapi dan teratur bagi memudahkan proses pencarian. Antara task force yang dijalankan termasuklah menyusun semula filem X-ray, Rekod Perubatan Pesakit (RPP) serta mengasingkan RPP yang telah tamat tempoh penyimpanan. RPP yang telah tamat tempoh hendaklah dilupuskan mengikut jadual pelupusan yang ditetapkan oleh Arkib Negeri.



8.5 Aktiviti Pengasingan dan Penghantaran Rekod-rekod Perubatan

Bagi Tujuan Pelupusan

Unit Rekod Perubatan (URP) tidak akan melepaskan peluang untuk mengemas kini semua Rekod Perubatan Pesakit (RPP) yang telah tamat tempoh. Pada setiap awal tahun, semua RPP yang tamat tempoh akan diasingkan dan menunggu kelulusan daripada Arkib Negeri untuk proses pelupusan. Pelupusan dilaksanakan melalui kaedah pembakaran bagi memastikan maklumat pesakit dimusnahkan dengan cara yang betul, selaras dengan prinsip kerahsiaan maklumat pesakit.



8.6 LAWATAN MESRA HOSPITAL TAPAH DAN JABATAN NEGERI PERAK (JKN) KE HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Lawatan Mesra ini telah dijalankan pada 18 Mac 2025 bersama Puan Ruzaini (Ketua Unit Rekod Perubatan Hospital Tapah), Puan Siti Fatimah (JKN Perak) dan Pengarah Hospital Sungai Siput. Tujuan lawatan ini adalah untuk memeriksa dokumentasi Rekod Perubatan Pesakit di wad-wad hospital, membincangkan permasalahan unit, serta merancang penambahbaikan bagi masa hadapan. Ini merupakan salah satu langkah penambahbaikan sebagai persediaan menjelang audit akreditasi. Semua penambahbaikan telah disenaraikan dan diperbaharui dengan kaedah yang terbaik.



8.7 MOCK SURVEY HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Sebelum menjalani audit akreditasi, Hospital Sungai Siput telah mengadakan mock survey yang dijalankan oleh Hospital Tapah. Mock survey ini bertujuan untuk menyelaraskan kehendak Standard 7, iaitu Health Information Management System (HIMS). Aktiviti ini berlangsung selama dua hari dan hanya memerlukan penambahan pada bahagian dokumentasi Unit Rekod Perubatan (URP). URP dibantu oleh Puan Ruzaini dan Puan Siti Fatimah daripada JKN Perak untuk membantu pemeriksaan dan penambahan dokumen yang telah dilakukan untuk ditambah dengan lebih terbaik.



8.8 AUDIT AKREDITASI HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Audit akreditasi bermaksud satu proses penilaian yang dijalankan secara sistematik oleh pihak luar (badan akreditasi) untuk memastikan sesebuah organisasi seperti hospital, klinik, atau institusi mematuhi piawaian dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Dalam konteks hospital, audit akreditasi biasanya:

- a) Memeriksa kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit
- b) Menilai pemenuhan standard seperti yang ditetapkan oleh KKM atau badan antarabangsa (contoh: MSQH)
- c) Meneliti dokumentasi, prosedur kerja, rekod pesakit, dan amalan klinikal
- d) Bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan serta memastikan hospital beroperasi mengikut tahap terbaik

Ringkasnya, audit akreditasi adalah “pemeriksaan rasmi untuk pastikan hospital layak diiktiraf sebagai memenuhi standard kualiti dan keselamatan”.

Oleh itu, Unit Rekod Perubatan (URP) telah diaudit oleh Ketua Auditor, YBhg. Dato’ Dr. Hj. Selasawati binti Hj. Ghazali. Beliau telah menyemak dokumentasi rekod perubatan pesakit dan memberikan kepujian kerana ia mematuhi standard yang telah ditetapkan.



8.9 DEKORASI HARI RAYA AIDILFITRI


Selain itu, Unit Rekod Perubatan juga aktif dalam menyiapkan dekorasi sempena hari raya aidilfitri. Aktiviti ini bertujuan dengan: -

- a) Mewujudkan suasana perayaan
 - menghidupkan kemeriahan Aidilfitri dengan hiasan berunsurkan tema raya
- b) Menonjolkan identiti budaya
 - Memelihara nilai serta tradisi masyarakat islam dan melayu sempena aidilfitri
- c) Meningkatkan mood dan keceriaan
 - Dekorasi yang ceria dan berwarna-warni dapat meningkatkan perasaan gembira selepas sebulan berpuasa.



8.10 AUDIT KATIL YANG DIARAHKAN OLEH TIMBALAN PENGARAH KESIHATAN NEGERI

Audit katil ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Pegawai Tadbir Rekod Perubatan bil2/2024 dalam perkara 1.2 menyatakan hospital hendaklah melaksanakan audit katil di peringkat hospital selia masing. Bahagian pentadbiran telah memutuskan untuk mengadakan audit silang di peringkat hospital yang mana auditornya terdiri daripada Pegawai Rekod dan Penolong Pegawai Tadbir. Audit ini dilakukan mengikut Tarikh yang telah ditetapkan pada 14hb-24hb april 2025 dan telah diagihkan mengikut senarai nama yang diberikan.



8.11 MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI UNIT REKOD PERUBATAN BERSAMA UNIT FARMASI HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Perhimpunan pagi bersama Unit Farmasi telah berjaya diadakan dengan lancar. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh pengacara majlis, Muhammad Faiz Ikhwan bin Abdul Halim. Seterusnya, ikrar perkhidmatan telah diketuai oleh Mohd Hassan bin Ismail, manakala slot renungan pagi telah disampaikan dengan penuh inspirasi oleh Puan Shahrimah bt Abu Bakar.

Perhimpunan bulanan ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat terkini yang penting kepada semua warga kerja Hospital Sungai Siput, di samping memperkukuh semangat kerjasama dan profesionalisme dalam kalangan kakitangan. Bagi menyemarakkan lagi suasana, tema warna merah hati telah dipilih sebagai kod pakaian bagi perhimpunan tahun ini, melambangkan semangat, keberanian dan komitmen warga hospital dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.



8.12 PERSIAPAN HARI KEMERDEKAAN 2025

Setiap kali musim perayaan, kami berusaha sedaya upaya untuk menghias ruang Unit Rekod mengikut kemampuan yang ada. Hiasan ini bertujuan untuk mewujudkan suasana ceria serta menarik perhatian pesakit yang hadir ke unit ini.

Tujuan menghias sempena Hari Kemerdekaan adalah untuk:

- a) Menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara.
- b) Mewujudkan suasana ceria serta meriah di persekitaran tempat kerja.
- c) Menarik perhatian dan memberi pengalaman positif kepada pesakit serta pengunjung.
- d) Menunjukkan sokongan terhadap sambutan kebangsaan dan menghargai pengorbanan pejuang kemerdekaan.
- e) Memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan warga kerja.



8.13 TASK FORCE SUSUN ATUR X-RAY

Aktiviti Task Force Susun Atur X-Ray ini dilaksanakan bagi memastikan ruang penyimpanan dan susun atur imej X-Ray di Unit Rekod Perubatan sentiasa kemas, teratur, dan mudah diakses. Tindakan ini turut membantu meningkatkan kecekapan kerja, memudahkan proses pencarian dokumen radiologi, serta memastikan pematuhan kepada piawaian penyimpanan rekod perubatan.

Tarikh: 09/04/2025

Tempat: Unit Rekod Perubatan

Masa: 9.00am-4.30pm



8.17 AUDIT SP EDGENTA

Audit dijalankan oleh En. Syukri yang diiringi oleh Pengurus Tenaga (CEM) Hospital Sungai Siput En. Mohd Hafalmi bin Abdul Hamid, Edgenta. Pn. Farah dari Unit kejuruteraan Hospital dan beberapa kakitangan dari Edgenta. Beliau memeriksa sudut tenaga URP dan memeriksa suhu penghawa dingin mematuhi suhu yang ditetapkan.

Tujuan Audit ini dijalankan adalah untuk memastikan penjimatan tenaga sekurang-kurangnya 35% dengan projek-projek penjimatan tenaga & kesedaran penggunaan tenaga secara efisien. Usaha ke arah mendapat pengiktirafan pengurusan tenaga seperti EMGS3-Star.

Tarikh: 09/10/2025

Tempat: Unit Rekod Perubatan

Masa: 2.00 -2.15 pm



9.0 PENCAPAIAN TAHUN 2025

9.1 *National Indicator Approach (NIA 1)*

Petunjuk : Peratus laporan perubatan yang disiapkan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Piawaian : Tidak kurang dari 90%

BULAN	JUMLAH SIAP DALAM 14 HARI BEKERJA	JUMLAH PERMOHONAN	PENCAPAIAN%
Januari	52	49	94.23
Februari	51	49	96.08
Mac	61	59	96.72
April	45	44	97.78
Mei	51	49	96.08
Jun	50	50	100.00
Julai	64	61	95.31
Ogos	58	54	93.10
September	51	47	92.16
Oktober	41	37	90.24
November	40	39	97.50
Disember	41	30	73.17
JUMLAH	605	568	93.88

Jadual 3: Pencapaian Penyediaan Laporan Perubatan 2025 (NIA 1)

9.2 National Indicator Approach (NIA 2)

Petunjuk : Peratus rekod perubatan yang dihantar dalam masa 72 jam bekerja setelah pesakit discaj.
 Piawaian : Tidak kurang dari 95%

BULAN	JUMLAH REKOD DIHANTAR DALAM TEMPOH 72 JAM	JUMLAH REKOD	PENCAPAIAN
Januari	308	323	95.36%
Februari	287	299	95.98%
Mac	294	304	96.71%
April	295	306	96.40%
Mei	290	305	95.08%
Jun	285	297	95.95%
Julai	370	379	97.62%
Ogos	354	365	96.99%
September	337	358	94.13%
Oktober	362	395	91.65%
November	293	314	93.31%
Disember	315	336	93.75%
JUMLAH	3790	3981	95.24%

Jadual 4: Pencapaian Pengurusan Rekod Perubatan 2025 (NIA 2)

9.3 National Indicator Approach (KPI 3)

Petunjuk : Peratus permohonan lengkap laporan perubatan yang dihantar kepada pegawai perubatan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Piawaian : Tidak kurang dari 90%

BULAN	JUMLAH SIAP DALAM 8 HARI BEKERJA	JUMLAH PERMOHONAN	PENCAPAIAN %
Januari	55	55	100
Februari	52	52	100
Mac	57	57	100
April	49	49	100
Mei	56	56	100
Jun	46	46	100
Julai	62	62	100
Ogos	57	57	100
September	54	54	100
Oktober	40	41	97.56
November	31	31	100
Disember	42	42	100
JUMLAH	601	602	99.83

Jadual 5: Pencapaian Penyediaan Laporan Perubatan Oleh Pegawai Perubatan

9.4 National Indicator Approach (KPI 4)

Petunjuk : Peratus rekod perubatan untuk temujanji klinik pakar yang dikesan dalam 3 hari bekerja.

Piawaian : Tidak kurang dari 95%

BULAN	JUMLAH DIKESAN DALAM 3 HARI BEKERJA	JUMLAH REKOD	PENCAPAIAN
Januari	284	284	100
Februari	224	224	100
Mac	229	229	100
April	384	384	100
Mei	289	289	100
Jun	240	240	100
Julai	302	302	100
Ogos	325	325	100
September	258	258	100
Oktober	314	314	100
November	226	226	100
Disember	271	271	100
JUMLAH	3346	3346	100%

Jadual 6: Pencapaian Rekod Perubatan Temujanji Klinik Pakar 2025 (KPI 4)

10.0 BEBAN KERJA DAN STATISTIK 2025

10.1 Beban Kerja Unit Rekod Perubatan bagi Pengurusan Rekod Perubatan dan Laporan Perubatan

BULAN	*Bilangan Rekod Perubatan Pesakit (Jumlah Kemasukan Pesakit) (1)	Rekod yang dipinjam			Rekod yang dikeluarkan untuk laporan perubatan (5)	Jumlah (2+3+4+5)
	Wad (2)	Klinik (3)	Individu/ Kajian (4)			
Januari	9236	81	253	0	12	346
Februari	8835	67	232	0	12	311
Mac	9136	60	280	0	5	345
April	10102	98	251	0	10	359
Mei	9753	109	256	0	15	380
Jun	9473	69	238	0	8	315
Julai	11136	58	295	0	7	360
Ogos	10300	97	283	0	12	392
September	9692	74	247	0	10	331
Oktober	10816	101	293	0	15	409
November	9658	88	286	9	17	383
Disember	10418	89	290	0	12	391
JUMLAH	118555	991	3204	9	135	4322

Jadual 7: Pengurusan Rekod Perubatan

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT 2025

BULAN	*Jumlah Permohonan Laporan Perubahan	Bilangan Permohonan Laporan Perubahan Mengikut Jenis			Jumlah (a+b+c)	Bilangan Laporan Perubahan yang disediakan dalam tempoh yang ditetapkan
		Laporan Oleh Pegawai Perubahan	Laporan Ringkas/ Pendapat Pakar	Laporan Terperinci Pakar		
		(a)	(b)	(c)		
Januari	55	51	1		52	49
Februari	52	51			51	49
Mac	57	61			61	59
April	49	45			45	44
Mei	56	51			51	49
Jun	46	50			50	50
Julai	62	63	1		64	61
Ogos	57	58			58	54
September	54	51			51	47
Oktober	41	41			41	37
November	31	40			40	39
Disember	42	40	1		41	30
Tahunan						

Jadual 8: Pengurusan Laporan Perubahan



Rajah 1: Statistik Pengurusan Laporan Perubatan pada tahun 2023-2025


Rajah 1 menunjukkan pencapaian pengurusan laporan perubatan dalam mengendalikan laporan sehingga siap dalam tempoh 14 hari bekerja. Secara keseluruhannya, pada tahun 2025 prestasi pengurusan laporan perubatan menunjukkan peningkatan. Pengurusan laporan perubatan antara aktiviti penting jabatan kerana tersenarai sebagai Piagam Pelanggan Teras, *Hospital Performance Indicator for Accountability* (HPIA) dan *National Indicator Approach* (NIA 1) dan perlu mencapai sekurang-kurangnya 90%

10.2 Statistik Hospital (2023 - 2025)


BIL	PERKARA	2023	2024	2025
1.	Penggenapan Katil (Rasmi)	93	93	93
2.	Penggenapan Katil (Beroperasi)	93	93	93
3.	Jumlah Kemasukan	4076	4256	3978
4.	Purata Harian Bilangan Kemasukan	11.17	11.63	10.90
5.	Jumlah Keluar Hospital	4092	4241	3981
6.	Jumlah Hari Pesakit	12581	12862	14002
7.	Purata Harian Bilangan Katil Yang Digunakan	34.47	35.14	38.36
8.	Kadar penggunaan katil	37.06	37.79	41.25
9.	Purata jangkamasa tinggal (hari)	3.07	3.03	3.52
10	Jangkamasa katil dikosongkan (hari)	5.22	4.99	5.01


Jadual 9: Statistik Ke Atas Penggunaan Katil Hospital

Jumlah Kemasukan Dan Discaj



Kadar Penggunaan Katil (BOR)





Rajah 5: Kematian Hospital Sungai Siput Mengikut Tahun 2023-2025

11.0 PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2025 YANG TELAH DIJALANKAN

Semua pelan tindak URP telah disokong oleh Pengarah Hospital Sungai Siput beserta dengan surat dan kertas kerja.

11.1 PERJAWATAN PEMBANTU TADBIR MYSTEP 2025

Muhammad Faiz Ikhwan Bin Abdul Halim dikekalkan sebagai MyStep dan telah melaporkan diri pada tarikh Januari 2025.

11.2 KURSUS-KURSUS/BENGGEL/PROGRAM KESEDARAN DAN KEFAHAMAN PENGENDALIAN DAN PENGURUSAN REKOD PERUBATAN PESAKIT DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN JADUAL PELUPUSAN REKOD PERUBATAN 2016

Kesemua kakitangan berjaya menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari dalam tahun 2025. Diantara kursus-kursus dan latihan yang dihadiri oleh kakitangan adalah seperti berikut:

- Kursus Pengurusan Rekod Perubatan
- Kursus Audit Rekod Perubatan Pesakit
- Kursus Audit Dokumentasi Klinikal Dan Kod Klasifikasi 2025 di Hospital Dan Institusi Perubatan Khas KKM
- Kursus Audit Penggenapan Katil Rasmi dan Operasi kluster Negeri Perak
- Seminar Pengurusan Laporan Perubatan Dan Bedah Siasat
- Kursus Sistem Maklumat Aset Dan Perkhidmatan Aset And Services Information System (ASIS)
- Kursus Keselamatan Pesakit

Pencapaian kursus/taklimat kakitangan adalah seperti berikut:

- 7 hari berkursus - 1 orang
- 8 hari berkursus - 2 orang
- 9 hari berkursus - 1 orang

11.3 AUDIT AKREDITASI HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Audit akreditasi bermaksud satu proses penilaian yang dijalankan secara sistematik oleh pihak luar (badan akreditasi) untuk memastikan sesebuah organisasi seperti hospital, klinik, atau institusi mematuhi piawaian dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Dalam konteks hospital, audit akreditasi biasanya:

- e) Memeriksa kualiti perkhidmatan dan keselamatan pesakit
- f) Menilai pemenuhan standard seperti yang ditetapkan oleh KKM atau badan antarabangsa (contoh: MSQH)
- g) Meneliti dokumentasi, prosedur kerja, rekod pesakit, dan amalan klinikal
- h) Bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan serta memastikan hospital beroperasi mengikut tahap terbaik

Ringkasnya, audit akreditasi adalah “pemeriksaan rasmi untuk pastikan hospital layak diiktiraf sebagai memenuhi standard kualiti dan keselamatan”.

Oleh itu, Unit Rekod Perubatan (URP) telah diaudit oleh Ketua Auditor, YBhg. Dato’ Dr. Hjh. Selasawati binti Hj. Ghazali. Beliau telah menyemak dokumentasi rekod perubatan pesakit dan memberikan kepujian kerana ia mematuhi standard yang telah ditetapkan.

11.4 HAND-ON SMRP DI BILIK DAFTAR MASUK HOSPITAL SUNGAI SIPUT

URP mengesan terdapat kesalahan kemasukan data-data pesakit melalui pengisian maklumat dalam SMRP seperti kesalahan ejaan nama, kesalahan masa kemasukan pesakit, kesalahan RN pesakit, kesalahan no kad pengenalan dan lain-lain. Bagi mengurangkan kesalahan itu berlaku dan sokongan daripada Pengarah dan Ketua Unit Kecemasan dan Trauma, Ketua URP telah menjalankan sesi bagaimana untuk mengisi maklumat melalui sistem dengan menggunakan no kad pengenalan pesakit. Cara ini lebih mudah dan cepat untuk pengisian di

dalam sistem dan terus mencetak maklumat pesakit tersebut. Ianya dapat mengurangkan kesalahan-kesalahan yang dulu kerap berlaku. Tidak ketinggalan juga, kami menjemput Ketua Unit Rekod Perubatan dan kakitangan Bilik Daftar Masuk Hospital Selama untuk mengikuti program ini dan boleh diterapkan cara kerja di Hospital Selama bagi mengurangkan beban kerja.

11.5 TASK-FORCE UNIT REKOD PERUBATAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

URP mencadangkan mengadakan aktiviti task-force bagi memudahkan pencarian dan simpanan RPP. Kawasan unit yang terlalu kecil, URP perlu menggunakan ruang yang ada dengan sebaik mungkin. Aktiviti ini dijalankan selama 3 kali selama 3 bulan berturut-turut. Kami membahagikan rak penyimpanan yang aktif mengikut disiplin dalam hospital, filem x-ray mengikut no kad pengenalan pesakit, dan lain-lain. Selesai sahaja aktiviti ini, kakitangan URP menyediakan penanda pada rak yang telah diubah bagi memudahkan penyimpanan dan pencarian RPP.

11.6 AKTIVITI PELUPUSAN UNIT REKOD PERUBATAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Setiap hujung tahun URP telah menjalankan pengasingan RPP, helaian data, filem x-ray yang sudah tamat tempoh untuk dilupuskan. URP tidak pernah melepaskan peluang untuk melupuskan bahan-bahan ini kerana URP memerlukan ruang yang lebih luas. Aktiviti ini dilakukan selama 3 hari untuk pengasingan RPP, helaian data, filem xray dan dokumem lain yang berkaitan. Penghantaran surat permohonan kepada Arkib Negara Perak setiap awal tahun bagi memudahkan menyusun Tarikh untuk pengasingan bahan-bahan pelupusan. URP menyediakan kawasan untuk meletakkan bahan-bahan pelupusan supaya tidak bercampur dengan bahan yang belum tamat tempoh. Selesai sahaja pengasingan, URP, langkah seterusnya ialah menuju ke kilang pembakaran kertas untuk dibakarkan. Sesi ini akan menunggu sehingga selesai.

12.0 KESIMPULAN

Unit Rekod Perubatan (URP) akan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Demi mencapai matlamat tersebut, URP memerlukan kerjasama antara jabatan dan lain-lain unit samada Perkhidmatan Klinikal dan Perkhidmatan Sokongan.

Disediakan Oleh:

Hajarah Binti Abdul Rahman
Penolong Pegawai Tadbir N5
Unit Rekod Perubatan
Hospital Sungai Siput.